


SULTAN Ahmad Shah menyampaikan replika cek kepada Asar sambil diperhatikan Tengku Abdullah (kiri)

# 'Jangan gadai kesucian Islam'

■ Tidak perlu bertolak ansur terhadap perkara menyentuh sensitiviti, adat budaya

Oleh Raja Norain Hidayah Raja Abdul Aziz
rnorain@hmetro.com.my
**Kuantan**

"Jangan sesekali menggadai kesucian dan kemuliaan Islam hanya kerana mahu menjaga hati pihak atau individu tertentu," titah Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah.

Baginda bertitah, perkara yang menyentuh sensitiviti agama perlu diberi perhatian dan umat Islam perlu memelihara kesucian supaya tidak memberi ruang kepada pihak lain menggunakan agama untuk kepentingan peribadi.

Titahnya, walaupun negara ini mengamalkan toleransi dalam beragama, jika ada pihak tidak menghormati agama lain terutamanya Islam dan cuba menyentuh perkara sensitif, umat Islam perlu bangkit mempertahankannya.

"Dalam usaha menjaga hati pihak atau individu lain, jangan sampai kita menggadaikan kesucian dan kemuliaan Islam yang akhirnya membawa kepada perpecahan.

"Kita tidak perlu bertolak ansur terhadap sebarang perkara yang menyentuh sensitiviti Islam dan adat budaya yang ditimbulkan oleh pihak lain," titahnya dalam Majlis Sambutan Maulidur Rasul di Dewan Jubli Perak, di sini, semalam.

Turut hadir, Sultanah Pahang Sultanah Kalsom, Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Harian metro (setempat) 25/01/2013 ms: E50

## Cipta perisian tulisan jawi

**Kuantan:** Kemampuannya mencipta satu perisian aplikasi tulisan jawi yang dinamakan Asarfonts bagi menyelesaikan masalah berkaitan tulisan berkenaan melayakkan pensyarah Universiti Malaysia Pahang Asar Abdul Karim, 39, menerima Anugerah Maulidur Rasul negeri Pahang, semalam.

Asar ketika ditemui mengakui tidak menyangka akan menerima penghargaan itu kerana pada mulanya perisian berkenaan dicipta hanya untuk memudahkan dirinya menaip tulisan berkenaan di komputer.

"Sukar untuk saya menterjemahkan kegembiraan saya dengan anugerah ini.

"Anugerah ini terlalu besar dan saya tidak merasakan sumbangan saya sangat berharga sebaliknya ia hanyalah sumbangan kecil jika dibandingkan dengan orang lain," katanya.

Katanya, perisian itu mampu menyelesaikan masalah kestabilan huruf Jawi dan penterjemahan bahasa Arab dengan hanya menaip menggunakan satu huruf saja.